

Korea Selatan terus dijadikan model Pandang Ke Timur

UM 25 MAY 2002

SUBANG 24 Mei — Malaysia akan terus menjadikan Korea Selatan sebagai salah satu model dalam Dasar Pandang Ke Timurnya berdasarkan kepantasan negara itu memulihkan ekonominya dengan begitu luar biasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia perlu mencari 'rahsia' bagaimana Korea Selatan berjaya melunaskan semua hutangnya sebanyak RM-212.8 bilion daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan begitu cepat.

Sehubungan itu, kata beliau, kerajaan akan menghantar lebih ramai pelajar untuk mendapat pelbagai jenis latihan di negara berkenaan.

"Kita perlu mempelajari daripada Korea Selatan cara ia memulihkan ekonominya sedangkan mereka mempunyai hutang IMF sebanyak RM212.8 bilion.

"Nampak jelas sekali kemampuan mereka menguruskan ekonomi negara mereka. Kita akan mempertingkatkan lagi Dasar Pandang Ke Timur melibatkan Korea Selatan dengan menghantar penuntut ke sana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sejeurus kembali dari lawatan empat hari ke Jepun dan Korea Selatan di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Dasar Pandang ke Timur dilancarkan atas ilham Dr. Mahathir pada tahun 1983 bertujuan menghantar anak tempatan ke Jepun bagi menimba ilmu dari segi budaya kerja dan teknologi tertentu termasuk pembuatan kereta.

Ekoran dasar itu, Malaysia berjaya melahirkan ramai jurutera tempatan dan berkemampuan menghasilkan kereta buatan sendiri.

Dr. Mahathir seterusnya memberitahu, Malaysia kagum dengan pencapaian memberangsangkan dalam pertumbuhan ekonomi Korea Selatan yang mencapai 5.7 peratus pada suku tahun pertama tahun ini.

Menurut beliau, kemajuan paling ketara yang dikecapi Korea Selatan adalah dalam industri pembuatan kereta yang mampu memberi saingan kepada kereta-kereta buatan negara lain.